



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/8 (31)

TARIKH: 15 APRIL 2014

PERKARA : EDARAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 1/2014	
DARIPADA : KPP(KT) 2	SALINAN : 1) TKP JTM
KEPADA : SEPERTI DI LAMPIRAN 1	

Tuan/Puan ,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 1/2014 yang diadakan pada 25 hingga 26 Februari 2014 bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Manusia untuk rujukan dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi'

(AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

LAMPIRAN 1

1. Pengarah JMTI
2. Pengarah ADTEC Shah Alam
3. Pengarah ADTEC Batu Pahat
4. Pengarah ADTEC Kulim
5. Pengarah ADTEC Melaka
6. Pengarah ADTEC Taiping
7. Pengarah ADTEC Jerantut
8. Pengarah ADTEC Kemaman
9. Pengarah ADTEC Bintulu
10. Pengarah ILP Kuala Lumpur
11. Pengarah ILP Kota Bharu
12. Pengarah ILP Kuala Terengganu
13. Pengarah ILP Kuantan
14. Pengarah ILP Jitra
15. Pengarah ILP Ipoh
16. Pengarah ILP Bukit Katil
17. Pengarah ILP Pasir Gudang
18. Pengarah ILP Kangar
19. Pengarah ILP Pedas
20. Pengarah ILP Ledang
21. Pengarah ILP Labuan
22. Pengarah ILP Kota Kinabalu
23. Pengarah ILP Kota Samarahan
24. Pengarah ILP Kepala Batas
25. Pengarah ILP Selandar
26. Pengarah ILP AP Nibong Tebal
27. Pengarah ILP Kuala Langat
28. Pengarah ILP Mersing
29. Pengarah ILP Sandakan
30. Pengarah ILP Miri
31. Pengarah ILP Perai
32. Pengarah ILP Marang

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 1/2014
JABATAN TENAGA MANUSIA**

Tarikh : 25 – 26 Februari 2014

Masa : 9.00 pagi – 4.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat
Jabatan Tenaga Manusia

Pengerusi : Tn. Syed Mohamad Noor Bin Syed Mat Ali

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi memeriksa kehadiran ahli mesyuarat dan meminta ahli baru, Cik Hajah Junita Binti Mohamed Ali P(ILP Mersing) memperkenalkan diri.
- 1.2** Pengerusi memberi peringatan kepada semua ahli mesyuarat agar memastikan semua urusan kewangan e-SPKB disemak dengan teliti bagi mengelakkan kesilapan berlaku.

Makluman

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2013 DAN 2/2013

- 2.1** KPP(KT)2 membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 3/2013 dan 4/2013 seperti di **Lampiran 1**.

Makluman

- 2.2 KPP (KT) memaklumkan perbincangan berkenaan cadangan agar permohonan pentaualiahan sedia ada yang dibuat oleh Pusat Bertauliah masing-masing dibuat secara berpusat melalui jabatan agar tarikh dan tempoh sah pentaualiahan dapat diseragamkan, telah dibuat dengan pihak JPK. KPP(KT) memaklumkan bahawa tarikh pentaualiahan masih akan berbeza, mengikut prosedur lawatan pihak JPK ke setiap Pusat Bertauliahan dan mencadangkan agar prosedur asal dikekalkan.

Makluman

- 2.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JTM telah mendapat kelulusan melaksanakan Penilaian Kendiri bagi tempoh 2 tahun (2014-2015) pada 10 Januari 2014 dan pelaksanaan Penilaian Kendiri akan bermula pada sesi Januari 2014. KPP(KT)2 turut memaklumkan bahawa JTM masih kekurangan Pegawai Pengesah Luaran dan memo pencalonan pengajar untuk dilantik sebagai PPL akan dikeluarkan.

Tindakan: P (KT)

- 2.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggunaan "Smart Sheet" semasa peperiksaan akhir subjek Matematik Kejuruteraan dan Sains Kejuruteraan akan diteruskan. Kajian perbandingan keputusan pelajar sebelum dan selepas penggunaan "Smart Sheet" akan dibuat pada Mac dan hasil kajian akan dibentangkan dalam MJPP pada Ogos 2014.

Tindakan : P(KT) dan semua P(ILJTM)

- 2.5 KPP(KT)2 memaklumkan bahawa isu persijilan SKM secara PPT bagi pengajar-pengajar ILJTM telah dipanjangkan ke Mesyuarat Penyelarasan Latihan Peringkat Kementerian. Permohonan pengecualian bayaran pendaftaran PPT yang dipohon oleh jabatan belum diwartakan dan dalam proses semakan oleh PUU Kementerian.

Tindakan : P(PK)

3.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN 1/2014

- 3.1 KPP(KT)2 membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran 1/2014 seperti di Lampiran 2.

Makluman

- 3.2 P(PK) mohon dimaklumkan bidang-bidang yang memerlukan peningkatan kemahiran pengajar kerana isu ini sering dibangkitkan dalam Laporan Pegawai Naziran. Mesyuarat turut mencadangkan agar pengajar-pengajar baru didedahkan dengan "Basic Workshop Engineering" bagi meningkatkan kemahiran pengajar baru.

Tindakan : P(PK) dan semua P(ILJTM)

- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa peruntukan di bawah pembangunan bagi perolehan buku rujukan akan diagihkan kepada setiap ILP sebanyak RM 200,000.00 dan RM300,000.00 bagi setiap ADTEC/JMTI. Peruntukan sebanyak RM 20 juta bagi perolehan dan perlesenan semula perisian juga diterima oleh jabatan pada tahun ini.

Makluman

4.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

- 4.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 2/2012 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di Lampiran 3.

Makluman

5.0 PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI

- 5.1 KPP(KT)2 membentangkan pelaksanaan penilaian sendiri oleh Jabatan Tenaga Manusia seperti di Lampiran 4.

Makluman

6.0 LAPORAN KEPUTUSAN WQT PELAJAR ILJTM SESI 2/2013

6.1 KPP(KT)2 membentangkan laporan keputusan WQT 2013 seperti di Lampiran 5.

Makluman

6.2 Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan dibenarkan untuk membuat lawatan penandaarasan di ILP Labuan bagi melihat kaedah pelaksanaan latihan bagi kursus Teknologi Kimpalan.

Tindakan : P(ILJTM) berkenaan

6.3 Welding Inspector ILJTM dijemput hadir ke ILP Pasir Gudang bagi melihat Welding Inspector industri melaksanakan WQT.

Tindakan : P(ILJTM) berkenaan

6.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa bayaran ujian Radiografi diuruskan oleh institut yang melaksanakan WQT. Pihak institut perlu mencari syarikat yang melaksanakan ujian radiografi bagi specimen yang telah melepasi ujian visual. Bayaran RM20 hendaklah diserahkan kepada ILP Kuantan bagi tujuan pengeluaran kad WQT sekiranya pelajar berkenaan lulus ujian tersebut.

Tindakan : P(ILJTM) berkenaan

7.0 LAPORAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 2/2013

7.1 KPP(KT)2 membentangkan laporan pelaksanaan peperiksaan akhir seperti di Lampiran 6.

8.0 HAL-HAL BERBANGKIT

8.1 Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Audit Negara akan membuat lawatan audit kepada pembekal makanan bermasak di institut. Pengerusi mengingatkan pengarah-pengarah institut agar bersedia dengan memastikan tahap kualiti dan kebersihan makanan yang dibekalkan oleh pembekal adalah baik.

Tindakan: Semua P (ILJTM)

- 8.2 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan isu pengambilan pelatih PERHEBAT supaya dibuat secara berterusan agar dapat meningkatkan kemahiran bakal pesara tentera dan melahirkan lebih ramai tenaga mahir.

Tindakan : P (ILJTM)

- 8.3 Mesyuarat juga memaklumkan bahawa jabatan diarahkan untuk melaksanakan latihan secara *double shift* untuk meningkatkan enrolmen pelajar.

Makluman

- 8.4 Mesyuarat ambil maklum bahawa Menteri bercadang untuk membuat lawatan bagi berjumpa dengan pengarah dan pelajar-pelajar ILJTM di Sarawak. Justeru itu, pihak jabatan mencadangkan agar lawatan tersebut diadakan di ADTEC Bintulu pada bulan Mac 2014.

Tindakan : P (ADTEC Bintulu)

- 8.5 Mesyuarat dimaklumkan berkenaan landasan kerjaya PLV yang ditambahbaik kepada skim DL. Skim ini merupakan penggabungan perjawatan skim J dan E dimana ia merupakan skim flexi berdasarkan kepakaran yang membolehkan pegawai dari Gred J17 naik pangkat ke J54 tanpa kelayakan akademik. Jabatan akan menghantar beberapa wakil ke mesyuarat bersama JPA bagi membincangkan penambahbaikan skim ini.

Makluman

- 8.6 Mesyuarat mengambil maklum bahawa ILP Sandakan telah menjalankan program latihan bersama NIOSH (Kampus Satelit) di bawah *Blue Ocean Strategy*. Atas kejayaan program latihan ini, pihak NIOSH bercadang untuk meluaskan lagi pelaksanaan Kampus Satelit ini ke semua institut di Wilayah Timur.

Justeru itu, satu mesyuarat penyelarasan akan diadakan di ADTEC Bintulu dengan menjadikan ILP Sandakan sebagai model untuk dilaksanakan di ILJTM yang berkenaan. Jabatan telah bersetuju:

- a) Bayaran dari pihak NIOSH sebanyak RM 11,000.00 bagi penggunaan fasiliti di ILP Sandakan dimasukkan ke dalam akaun amanah institut.
- b) Sewaan dari NIOSH bagi penggunaan fasiliti latihan di mana-mana institut hendaklah dimasukkan ke dalam akaun amanah institut.

Tindakan : P(ILP Sandakan) dan P(ILJTM) yang berkenaan

- 8.7 Jabatan juga bercadang untuk melanjutkan aktiviti di bawah Blue Ocean Strategy dan NIOSH iaitu pengeluaran kad keselamatan pelajar. Perbincangan lanjut berkenaan perkara ini akan diadakan.

Makluman

- 8.8 KPP(PA) memaklumkan berkenaan peruntukan RM55,550.00 akan diagihkan ke setiap institut untuk pembelian perabot. Pihak institut diminta untuk menyenaraikan senarai perabot dan kuantiti yang diperlukan bagi tujuan perolehan mengikut keutamaan dan dimajukan ke Cawangan Perolehan dan Aset.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 8.9 P (ILP Selandar) memaklumkan berkenaan kerusakan peralatan memasak di Dewan Makan dan memohon agar Bahagian Pembangunan Kemahiran mengambil tindakan lanjut.

Tindakan : P(PK)

- 8.10 Pihak ibu pejabat akan mengagihkan lima buah komputer baru kepada 27 buah institut lama. Komputer tersebut adalah dicadangkan untuk diagihkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan di institut yang terlibat.

Makluman

- 8.11 Mesyuarat dimaklumkan JPK telah menetapkan kuota peserta bagi setiap bidang pertandingan dalam PKM. Pengarah ILJTM adalah dipohon untuk memilih peserta yang bersesuaian untuk menyertai pusingan pra-PKM.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 8.12 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan tidak berkemampuan untuk mengadakan pertandingan pra-PKM di peringkat Jabatan atas kekangan peruntukan.

Makluman

- 8.13 Mesyuarat bersetuju sebarang kes rayuan disiplin atau akademik di peringkat jabatan hendaklah di selesaikan dalam tempoh satu bulan.

Tindakan : P(KT) dan P (PL)

- 8.14 Mesyuarat dimaklumkan bahawa peruntukan untuk peperiksaan akhir akan dihantar pada Mac dan Jun. Jumlah peruntukan adalah bergantung kepada bilangan enrolment setiap institut.

Makluman

- 8.15 Mesyuarat bersetuju agar satu bengkel dilaksanakan untuk menyediakan *Term of Reference* bagi Centre of Skill Excellent (CoSE).

Tindakan : P(PP)

- 8.16 P(PP) meminta supaya semua ILJTM mendapatkan sekurang-kurangnya 80% responden bagi setiap keluaran untuk Tracer Study.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

- 8.17 Mesyuarat bersetuju untuk menguruskan persijilan VTM untuk semua pengarah ILJTM secara PPT.

Tindakan : P(PK)

- 8.18 Mesyuarat bersetuju supaya diadakan Bengkel Pengujian Modul TMS bagi program DTK kepada pegawai yang terlibat.

Tindakan : P(KT)



SULIT

9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

SENARAI KEHADIRAN

1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI
PENGURUS MESYUARAT
2. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI
P (KT)
3. TN. HJ NORMAN BIN KUSIN
P (PK)
4. PN. SUZANA BINTI MOHAMMED ZOHD
P (PL)
5. PN. FAIZAH BINTI HARUN
P (PP)
6. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI
TP (PK)
7. EN. NASIRRUDDIN BIN SAID ALANG GHAFAR
KPP (KT)
8. EN. AZMAN BIN HAJI IBRAHIM
TIMBALAN PENGARAH JMTI
9. IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM
PENGARAH ADTEC TAIPING
10. DR. RAMLI BIN HJ RASHIDI
PENGARAH ADTEC BINTULU
11. EN. ZURAKA BIN YUSOF
PENGARAH ADTEC SHAH ALAM
12. TN. HJ MANOJ BIN JUMIDALI
PENGARAH ADTEC BATU PAHAT
13. EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD
PENGARAH ADTEC MELAKA
14. EN. AZMI BIN SAAD
PENGARAH ADTEC KULIM
15. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN
PENGARAH ADTEC KEMAMAN

16. TN. HJ. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI
PENGARAH ADTEC JERANTUT
17. EN. KAMARUZAMAN BIN MAT ALI
PENGARAH ILP KUALA LUMPUR
18. EN. ABD HALIM BIN ALI MOHAMED
TIMBALAN PENGARAH ILP KUALA LUMPUR
19. EN. ZAINUDDIN BIN AHMAD
PENGARAH ILP KOTA BHARU
20. PN. JUNNAINA BT. HUSIN CHUA
PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL
21. CIK JUNITA BT. MOHAMED ALI
PENGARAH ILP MERSING
22. EN. MOHD ABD FATAH BIN MOHD RAMLY
PENGARAH ILP BUKIT KATIL
23. EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID
PENGARAH ILP SELANDAR
24. EN. ADNAN BIN ISMAIL
PENGARAH ILP LEDANG
25. PN. NORLELA BT MUSTAFFA
TIMBALAN PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU
26. EN. MOHAMAD RADZI BIN MASKUR
TIMBALAN PENGARAH ILP IPOH
27. EN. MUSTAL BIN MAKMUD
PENGARAH ILP KOTA KINABALU
28. EN. ZULKEFLI BIN AB MANAN
PENGARAH ILP PERAI
29. EN. SHAHRULL NIZAM BIN PERDAN
PENGARAH ILP LABUAN
30. EN. RAHMAT BIN AYOP
PENGARAH KOTA SAMARAHAN
31. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF
PENGARAH ILP PEDAS

32. EN. SARMAN BIN HJ RAWAN
PENGARAH ILP PASIR GUDANG
33. EN. SUAIBUNAHA BIN JUSOH
PENGARAH ILP KUANTAN
34. EN. KAMARULZAMAN BIN CHU ABDUL RANI
PENGARAH ILP KUALA LANGAT
35. EN. MOHD SUKIMI BIN MAT SALLEH
PENGARAH ILP JITRA
36. EN. KHAIRUL ANUAR BIN DENI
PENGARAH ILP SANDAKAN
37. EN. ZULKIFLE BIN OMAR
PENGARAH ILP MARANG
38. PN. NOR YUSUHANNA BT MOHD YUSOFF
ILP KEPALA BATAS
39. EN. DONNY SADIN KACHON
ILP MIRI
40. PN. SITI FAZLINA BT FAUZI
ILP KANGAR

URUS SETIA

1. PN. AZLINA BT MOHAMAD SHAFIE
KPP (KT)2
2. PN. NURUL AZREEN BINTI AZIZ
PP (KT)
3. PN. NORALIZA BT MUHAMAD
PPP (KT)
4. PN. FAZATUL NURDIHA BINTI MISLAN
PPP (KT)

Disediakan oleh:
Bahagian Kawalan Teknikal
Jabatan Tenaga Manusia

CATATAN MINIT MESYUARAT
MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
BILANGAN 3/2013

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
2.2	Mesyuarat mencadangkan agar permohonan pentauliah sediaan ada yang dibuat oleh Pusat Bertauliah masing-masing dibuat secara berpusat melalui jabatan agar tarikh dan tempoh sah pentauliahian dapat diseragamkan. KPP(KT) memaklumkan bahawa tarikh pentauliahian masih akan berbeza, mengikut prosedur lawatan pihak JPK ke setiap Pusat Bertauliahian.	P(KT)	Perbincangan telah dibuat dengan JPK. Pihak JPK maklumkan bahawa pentauliahian program hendaklah dipohon sendiri oleh pihak institut seperti mana Program KV di KV KPM.
2.3	Wakil P(ILP APNT) memaklumkan telah memohon penangguhan pelaksanaan CoCU. Oleh yang demikian, pihak ILP APNT tidak dapat memohon pentauliahian Tahap 3 secara <i>Single Tier</i> kerana pihak institut tidak pernah ditauliahkan dengan Tahap 3 sebelum ini. KPP (KT) memaklumkan perbincangan dengan pihak JPK akan diadakan bagi membincangkan isu tersebut.	P(KT)	Selesai.
2.4	KPP(KT)2 memaklumkan Pelaksanaan Penilaian Kendiri akan dilaksanakan mulai sesi 1/2014. Pemantauan secara <i>crosscheck</i> akan dijalankan dengan Pegawai Naziran bertindak sebagai Pegawai Pengesah Luaran. Walau bagaimanapun, minggu kedua peperiksaan akan dipantau oleh pengawas dalaman bagi mengurangkan implikasi kos ke atas jabatan.	P(KT)	JTM telah mendapat kelulusan melaksanakan Penilaian Kendiri bagi tempoh 2 tahun (2014 – 2015) pada 10 Januari 2014. Memo makluman telah dihantar ke semua ILJTM beserta slide penerangan mengenai proses penilaian kendiri. Penilaian Kendiri akan bermula pada sesi Januari 2014.

3.2	Mesyuarat bersetuju menggunakan terma "Penggunaan Smart Sheet" bagi menggantikan terma "Open Book Test" semasa peperiksaan akhir subjek matematik dan sains. Penggunaan <i>Smart Sheet</i> akan berterusan sehingga sesi 2/2014 dan kaedah yang digunakan adalah menggunakan sehelai kertas bersaiz A4 (halaman depan dan belakang). Rumus pada kertas soalan akan disediakan oleh penggubal. Mesyuarat mencadangkan agar BKT ibu pejabat membuat kajian perbandingan keputusan peperiksaan pelajar sebelum dan selepas penggunaan "Smart Sheet".	P(KT) dan Semua P(ILJTM)	Kajian perbandingan keputusan peperiksaan pelajar sebelum dan selepas penggunaan "Smart Sheet" belum dilaksanakan. Kajian akan dibuat selepas Mac dan hasil kajian akan dibentangkan di dalam MJPP yang akan datang iaitu pada bulan Ogos 2014.
3.3	Mesyuarat bersetuju cadangan untuk menetapkan pemberat bagi kaedah penilaian untuk kerja kursus dibincangkan di dalam jawatankuasa yang lain.	P(KT)	Belum dilaksanakan.
4.3	Semua ILJTM diberi tempoh dua minggu untuk melengkapkan modul enrolment subjek di dalam TMS.	Semua P(ILJTM)	Status seperti di lampiran.
5.2	Mesyuarat setuju untuk membawa maklumat mana-mana institut yang memerlukan persijilan SKM secara PPT untuk pengajar bagi mana-mana kursus yang mendapat kelulusan pentauliahan bersyarat di dalam Mesyuarat Penyelarasan Latihan peringkat Kementerian.	P(KT)	Isu ini telah diipanjangkan ke Mesyuarat Penyelarasan Latihan Peringkat Kementerian. Permohonan pengecualian bayaran pendaftaran PPT yang dipohon oleh jabatan belum diwartakan dan dalam proses semakan oleh PUU Kementerian.

6.2	Mesyuarat bersetuju untuk menambah ruang pada Borang Maklumat Persijilan untuk dimuatkan ruang bagi meletakkan status kumpulan pelajar yang menangguhkan pengajian.	P(KT)	Selesai. Dilaksanakan mulai pada MJPP Bil 1/2014.
6.3	Mesyuarat ambil maklum supaya memberi perhatian terhadap borang SPC.06 yang tidak diisi dengan tepat bagi pernyataan perakuan kelayakan penganugerah sijil		Selesai.
7.1 & 7.2	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pindaan tempoh tangguh pelajar mengikut program latihan seperti berikut : a) Sijil Juruteknik Perindustrian : 1 semester b) Sijil Teknologi : 2 semester c) Sijil Teknologi (Ambilan SKM 2) : 1 semester d) Diploma Teknologi (Ambilan SPM) : 4 semester e) Diploma Teknologi (Ambilan SKM) : 2 semester f) Diploma Lanjutan Teknologi : 2 semester Mesyuarat bersetuju untuk peringkat Sijil, pelajar yang menangguhkan pengajian tidak diberi elaun tetapi dibenarkan menginap di asrama dan makan/minum diberi secara percuma. Manakala untuk peringkat Diploma/Diploma Lanjutan, pelajar dikenakan yuran pengajian berdasarkan unut kredit yang diambil. Tarikh kuatkuasa bagi had tangguh adalah bermula pada pelajar memasuki Sesi Julai 2014.	P(KT)	Memo telah dikeluarkan mengenai perkara ini pada 6 Februari 2014.


7.4	Mesyuarat bersetuju peperiksaan ulangan dimansuhkan bagi program Diploma Teknologi Kejuruteraan. Peperiksaan khas akan diwujudkan bagi membenarkan pelajar menduduki peperiksaan akhir sekiranya pelajar berkenaan tidak dapat hadir peperiksaan akhir dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh pengarah.	P(KT)	Telah dimasukkan di dalam buku panduan Program DTK
7.5	Mesyuarat bersetuju untuk meminda status kedudukan akademik sedia ada seperti di Lampiran 6. Tarikh kuatkuasa bagi status akademik ini adalah bermula pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.	P(KT)	Telah dimasukkan di dalam buku panduan Program DTK.
7.6	Mesyuarat bersetuju markah Ulang Nilai bagi kerja kursus diambil markah maksimum iaitu sebanyak 50% sahaja. Tarikh kuatkuasa bagi penggunaan markah maksimum ini adalah bermula pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.	P(KT)	Memo makluman belum diedarkan kepada ILJTM.
7.7	Mesyuarat bersetuju untuk menambah elemen penilaian iaitu "Perkara Kritisikal" bagi kriteria penilaian peperiksaan akhir amali berkuatkuasa pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.	P(KT)	UPP HQ dalam proses mendapatkan maklumat "perkara kritisikal" dari semua kursus yang ditawarkan oleh ILJTM. Cadangan agar perkara ini ditangguhkan sehingga Sesi Januari 2015 kerana maklumat perkara kritisikal bagi semua kursus belum lengkap dan soalan amali telah dibangunkan untuk sesi Julai 2014 tanpa memasukkankan elemen tersebut.
7.8, 7.9 & 7.10	Mesyuarat bersetuju bahawa pihak institut diberi kebebasan untuk mewujudkan kaedah pembangunan	P(ILJTM)	Memo berkenaan perkara ini telah dikeluarkan pada Januari 2014.


	portfolio bagi Persijilan Kemahiran Malaysia dengan syarat memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh pihak JPK dan diseragamkan diantara semua bahagian. Pihak BKT akan mengeluarkan memo kepada semua Pegawai Naziran (PN) untuk menerima pakai kaedah pembangunan portfolio yang dilaksanakan di setiap institut dengan syarat kaedah yang digunakan memenuhi keperluan JPK. Pihak institut dikehendaki menerangkan kaedah pelaksanaan pembangunan portfolio masing-masing semasa mesyuarat pembukaan verifikasi PN dijalankan. Mesyuarat juga ambil maklum bahawa semakan portfolio oleh PN hanya melibatkan tahap-tahap yang tidak didaftarkan sahaja. Bagi mana-mana kursus yang menggunakan silibus secara single-tier, semakan portfolio oleh PN akan dilaksanakan setelah semua bukti bagi tahap tersebut telah dilengkapkan.		
7.11 & 7.12	Mesyuarat ambil maklum bahawa keputusan persijilan pelajar yang disahkan di dalam mesyuarat ini hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat dalam bentuk <i>softcopy</i> bagi tujuan hebahan di laman web selewat-lewatnya pada 26 September 2013.	P(ILJTM)	Selesai

	Mesyyarat dimaklumkan sebarang pindaan terhadap dokumen persijilan pelajar hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 17 September 2013. Selepas tarikh tersebut, pihak BKT akan mengeluarkan memo hebahan bagi mewartakan keputusan persijilan bagi mesyyarat ini.		
7.13	Mesyyarat dimaklumkan mana-mana ILJTM yang merancang untuk melaksanakan program baru diminta menghantar permohonan ke BKT selewat-lewatnya pada hujung September ini. Mesyyarat bagi mendapatkan kelulusan tersebut akan diadakan pada bulan Oktober 2013.	P(ILJTM)	Selesai
7.14	Mesyyarat dimaklumkan Unit Kurikulum, BKT akan mengedarkan borang validasi penggunaan silibus dan WIM selepas satu semester penggunaanya. Tujuan penggunaan borang tersebut ialah untuk menentukan kesesuaian silibus/WIM tersebut.	P(KT)	Belum dilaksanakan

LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN BIL 1/2014

ISU-ISU UTAMA





TENAGA PENGAJAR & PERALATAN



ISU PERUBAHAN NOSS

TEKNOLOGI AUTOMOTIF

- Perubahan NOSS kerap
- Silibus JTM disusun tidak mengikut tahap
- Masalah penyusunan bukti penilaian pada portfolio
- Implikasi terhadap pelaksanaan Program Persijilan Tunggal
- Implikasi terhadap calon PERHEBAT

ISU PENGGUNAAN TMS



KESIMPULAN

Sistem penilaian telah dijalankan dengan baik dan ketidakpatuhan berlaku hanya melibatkan beberapa orang pengajar sahaja.

Program penyelarasan dan pemantauan peringkat dalaman perlu dibuat secara berkala bagi memastikan isu-isu yang sama tidak berulang.

Semakan PN juga perlu lebih menyeluruh dan mencakupi kaedah pengajaran dan kualiti penilaian yang dijalankan.

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN PELAJAR BAGI SESI KELUARAN 22013

BIL	ILJTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL (C/(A-H))*10	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH (D/(A-I))*100	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM	JUMLAH LULUS MENGIKUT JENIS PERSIJILAN						
												DLTK	DTK	DLT	DT	SJP	ST	STP DPV
1	JMTI (DTK)	136	B	97.27	3	2.73	18	14.1	26	8	128		107					
	JMTI (DLTK)	23		100.00	0	0.00	2	9.5	4	2	21	19						
2	ADTEC SHAH ALAM (DT)	91		98.39	1	1.61	23	27.1	29	6	85				61			
3	ADTEC BATU PAHAT (DT)	12	8	88.89	1	11.11	3	25.0	3	0	12				8			
4	ADTEC KULIM (DT)	16	7	87.50	1	12.50	5	38.5	8	3	13				7			
5	ADTEC MELAKA (DT)	42	13	92.86	1	7.14	23	62.2	28	5	37				13			
	ADTEC MELAKA (DLT)	8	2	100.00	0	0.00	2	50.0	6	4	4			2				
	ILP KUALA LUMPUR (SJP)	20	14	93.33	1	6.67	0	0.0	5	5	15					14		
6	ILP KUALA LUMPUR (ST)	198	137	97.86	3	2.14	16	10.3	58	42	156						137	
	ILP KUALA LUMPUR (DT)	11	10	100.00	0	0.00	1	9.1	1	0	11				10			
7	ILP KOTA BHARU (ST)	246	179	100.00	0	0.00	4	2.2	67	63	183						179	
	ILP KUALA TERENGGANU (SJP)	29	25	96.15	1	3.85	0	0.0	3	3	26					25		
8	ILP KUALA TERENGGANU (ST)	123	106	99.07	1	0.93	3	2.7	16	13	110						106	
	ILP KUALA TERENGGANU (STP)	13	13	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	13							13
	ILP KUALA TERENGGANU (DT)	4	0	#DIV/0!	0	####	4	100.0	4	0	4				0			
9	ILP KUANTAN (SJP)	1	0	#DIV/0!	0	####	1	100.0	1	0	1					0		
	ILP KUANTAN (ST)	170	135	99.26	1	0.74	2	1.4	34	32	138						135	
	ILP KUANTAN (DT)	27	13	100.00	0	0.00	13	50.0	14	1	26				13			
10	ILP JITRA (SJP)	1	0	#DIV/0!	0	####	1	100.0	1	0	1					0		
	ILP JITRA (ST)	20	13	92.86	1	7.14	1	6.7	6	5	15						13	
11	ILP IPOH (SJP)	4	3	100.00	0	0.00	0	0.0	1	1	3					3		
	ILP IPOH (ST)	73	65	98.48	1	1.52	1	1.5	7	6	67						65	
12	ILP BUKIT KATIL (ST)	219	159	96.36	6	3.64	11	6.3	54	43	176						159	
13	ILP PASIR GUDANG (ST)	118	105	99.06	1	0.94	2	1.9	12	10	108						105	

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN PELAJAR BAGI SESI KELUARAN 22013

BIL	ILJTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% (D/(A-I))*100	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM	JUMLAH LULUS MENGIKUT JENIS PERSIJILAN							
												DLTK	DTK	DLT	DT	SJP	ST	STP	DPV
14	ILP KANGAR (ST)	55	37	100.00	0	0.00	1	2.6	18	17	38						37		
15	ILP PEDAS (ST)	84	67	97.10	2	2.90	2	2.8	15	13	71						67		
16	ILP LEDANG (ST)	172	124	93.23	9	6.77	4	2.9	39	35	137						124		
17	ILP LABUAN (SJP)	45	33	100.00	0	0.00	0	0.0	12	12	33								
	ILP LABUAN (ST)	38	33	100.00	0	0.00	0	0.0	5	5	33						33		
18	ILP KOTA KINABALU (SJP)	19	17	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	17								
	ILP KOTA KINABALU (ST)	151	126	100.00	0	0.00	3	2.3	25	22	129						126		
19	ILP KOTA SAMARAHAN (SJP)	24	21	91.30	2	8.70	0	0.0	1	1	23						21		
	ILP KOTA SAMARAHAN (ST)	73	61	100.00	0	0.00	8	11.6	12	4	69						61		
20	ILP KEPALA BATAS (ST)	175	124	99.20	1	0.80	3	2.3	50	47	128						124		
21	ILP SELANDAR (ST)	124	94	95.92	4	4.08	1	1.0	26	25	99						94		
	ILP SELANDAR (STP)	6	6	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	6							6	
22	ILP AP NIBONG TEBAL (SJP)	2	2	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	2						2		
	ILP AP NIBONG TEBAL (ST)	63	50	92.59	4	7.41	0	0.0	9	9	54						50		
23	ILP KUALA LANGAT (ST)	122	101	99.02	1	0.98	11	9.7	20	9	113						101		
	ILP KUALA LANGAT (STP)	4	4	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	4							4	
24	ILP KUALA LANGAT (DT)	85	76	100.00	0	0.00	7	8.4	9	2	83				76				
	ILP MERSING (ST)	157	118	99.16	1	0.84	3	2.5	38	35	122						118		
25	ILP MERSING (DT)	3	0	#DIV/0!	0	####	3	100.0	3	0	3				0				
	ILP SANDAKAN (ST)	57	46	100.00	0	0.00	0	0.0	11	11	46						46		
26	ILP SANDAKAN (STP)	11	10	100.00	0	0.00	0	0.0	1	1	10							10	
	ILP MIRI (SJP)	19	16	100.00	0	0.00	1	5.9	3	2	17					16			
27	ILP MIRI (ST)	143	117	93.60	8	6.40	3	2.3	18	15	128						117		
	ILP PERAI (ST)	28	20	100.00	0	0.00	0	0.0	8	8	20						20		
JUMLAH		3265	2497		55		186		713	527	2738	19	107	2	188	131	2017	33	0

PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI OLEH JABATAN TENAGA MANUSIA


OBJEKTIF



**Memberi panduan kepada PB di bawah sistem
pentaullahan untuk melaksana penilaian sendiri
dan pengurusan penugasan PPL supaya lebih
tersusun, teratur dan efisien serta dapat
dilaksanakan mengikut kesesuaian PB**

DEFINISI PENILAIAN KENDIRI

PB dipertanggungjawab oleh JPK untuk melantik PPL bagi melaksanakan proses pengesahan penilaian dalam menentusahkan tahap kemahiran calon memenuhi keperluan NOSS untuk dianugerahkan sijil

PELAKSANAAN PENGESAHAN PENILAIAN





PENGURUSAN PPL


BIL	PERKARA	STATUS
1	Kumpul maklumat pengajar yang telah dilantik sebagai PPL	Selesai
2	Lantik urusetia penugasan PPL mengikut zon	Selesai
3	Senaraikan keperluan PPL bagi setiap institut dan zon	3 – 7 Feb
4	Buat pemetaan data PPL yang telah dilantik dengan keperluan mengikut institut dan zon	3 – 7 Feb
5	Keluarkan memo tawaran bagi pengajar untuk mengikuti kursus PPL (penawaran ikut keperluan bidang dan zon)	10 – 21 Feb
6	Kursus Induksi PPL	Mac & September
7	Urusan pelantikan PPL oleh JPK	April
8	Taklimat kepada ILJTM	Mac , April & Mei
9	Penjadualan penugasan PPL (Edaran memo lantikan dan sebagainya)	Mei
10	Lawatan verifikasi PPL (Pelaksanaan Penilaian Kendiri)	Jun



SENARAI BIDANG BAGI PENUGASAN PPL



- 1 Mekanikal
- 2 Elektrik / Elektronik
- 3 ICT
- 4 Bukan Logam / Percetakan
- 5 Sivill

Setiap PPL akan ditugaskan untuk melaksanakan verifikasi maksimum 3 kursus di dalam bidang berkenaan


Tempoh Verifikasi :
Minimum : 2 Hari
Maksimum : 5 Hari










6G SMAW - ULANG




6G GTAW







6G SMAW / GTAW - ULANG




3G SMAW




3G SMAW - ULANG




ILP JITRA





ILP BUKIT KATIL




ILP LEDANG







ILP KUANTAN




ILP KOTA BAHRU





ILP KOTA SAMARAHAN




ILP SANDAKAN





STATISTIK JURUKIMPAL BERTAULIAH JTM SEHINGGA 17 FEBRUARI 2014



PUNCA KEGAGALAN WQT

- Pada asasnya ujian pandangan ke atas specimen WQT pelajar akan dinilai pada bahagian penembusan (*penetration*) dan penutupan (*capping*).
- Secara keseluruhannya, rata-rata pelajar ILJTM tiada masalah pada bahagian penembusan kerana adalah menjadi tanggungjawab pemeriksa kimpalan (*welding inspector*) untuk memastikan penembusan dilakukan 100% sebelum memulakan larian seterusnya (*hot pass and capping*).
- Oleh itu, bahagian penembusan bukanlah punca utama kepada kegagalan ujian pandangan. Melalui Laporan Ujian Pandangan yang telah disediakan oleh pemeriksa kimpalan, kebanyakan kecacatan kimpalan berlaku pada bahagian penutupan. Kecacatan yang selalu berlaku adalah *undercut*, *lack of fusion*, *underfill*, *poor cap profile* dan *poor start-stop*.

PUNCA KEGAGALAN WQT

- Punca utama adalah disebabkan pelajar tidak biasa menggunakan arus yang tinggi semasa membuat penukupan.
- WPS yang digunakan jelas menyatakan bahawa arus yang perlu digunakan semasa penukupan adalah di dalam julat 78 – 82 Amps bagi elektrod berdiameter 2.6mm.
- Kebiasaannya pelajar amat selesa menggunakan arus yang rendah (60 – 70 Amps) semasa membuat penukupan kerana mudah untuk mengawal arka bagi menghasilkan penukupan yang baik.
- Namun begitu, risiko menggunakan arus yang rendah adalah terdedah kepada kecacatan yang lain seperti *slag inclusion* dan *porosity*. Kecacatan ini akan menyebabkan pelajar gagal ujian radiografi (RT).
- Kebiasaannya mesin kimpalan di ILJTM tidak dibuat kalibrasi dan larasan arus pada mesin bukan mencerminkan arus sebenar yang terhasil. Sebagai contoh, sekiranya pelajar telah laraskan arus pada mesin pada 80 Amps, kemungkinan arus sebenar yang terhasil adalah kurang daripada nilai tersebut.

KESIMPULAN

- Oleh itu, WPS perlulah sentiasa dipatuhi semasa proses latihan awal lagi bukannya semasa hari ujian WQT. Secara teorinya adalah diperakui bahawa pematuhan kepada WPS akan menghasilkan mutu kimpalan yang berkualiti.

RALAT DALAM TMS

Ralat pada kod subjek

Ralat:

-Menggunakan kod subjek yang tidak mengikut piawai

Cara penyelesaian:

-Subject/Module (submodule untuk mewujudkan kod subjek) telah disable

Catatan:

- Sekiranya masih lagi terdapat kod tersebut dalam TMS, jangan gunakan kod tersebut dan hantarkan aduan pada helpdesk.tms@jtm.gov.my

Subject/Module by Course 96.3.10.1 | v.1.1 | 23 Feb 2014

Course: F31 TEKNOLOGI KOMPUTER (SISTEM)

Intake/Session: 1/2013

Total Record(s): 88

No	Subject/Module	Level	Semester	Credit Hours		
1	BT-01-01(KBPP)- ETIKET/PAK TORGRAJIS	KPM 1	1	3	Edt	Daftar
2	PD-01-01(KBPP)- BASIC NETWORKING	SEM 1	1	2	Edt	Daftar
3	KK-1011 (KBPP)- MATRIKALITE KETIDAKPELAN 1	SPM 1	1	1	Edt	Daftar
4	SK-01-01(KBPP)- SAINS KESAMUTERANE 1	SEM 1	1	1	Edt	Daftar
5	BI-1011(KBPP)- BAHASA INDOERTE 1	SEM 1	1	1	Edt	Daftar
6	PI-1011(KBPP)- PENDIDIKAN ISLAM 1	SEM 1	1	1	Edt	Daftar
7	PM-1041(KBPP)- PENDIDIKAN MORAL 1	SEM 1	1	1	Edt	Daftar
8	KK-1071(KBPP)- KO HURKULUP 1	SEM 1	1	1	Edt	Daftar
9	PD-102-02(KBPP)- NETWORK CLIENT ADMINISTRATION	L2	2	4	Edt	Daftar
10	SK-102-01(KBPP)- SAINS KESAMUTERANE 2	SEM 2	2	1	Edt	Daftar
11	KK-1071(KBPP)- KO HURKULUP 2	SEM 2	2	1	Edt	Daftar
12	SK-1011(KBPP)- SAINS KESAMUTERANE 2	SEM 2	2	1	Edt	Daftar
13	KK-1071(KBPP)- KO HURKULUP 2	L3	3	4	Edt	Daftar
14	F31-03-03- CUSTOMER TECHNICAL SUPPORT	L3	3	3		
15	F31-03-04- COMPUTER SYSTEM ADMINISTRATION	L3	3	4		

Contoh 1

Sambungan..

Subject/Module by Course

96.3.19.1 | v.1.1 | 21 Feb 2014

Course *1 (L12/SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI MEKATRONIK SKM4(N)

Intake Session *1 1/2011

Search Print Cancel

Total Records: 16

No	Subject/Module	Level	Semester	Credit Hours	Edi	Devi
1	MC-L12-04-01- PRODUCT MANUFACTURING	L4	4	3	Edi	Devi
2	MC-L12-04-02- PRODUCT DESIGN	L4	4	4	Edi	Devi
3	MC-L12-04-03- PRODUCT FABRICATION	L4	4	3	Edi	Devi
4	MC-L12-04-04- INDUSTRIAL QUALITY MANAGEMENT	L4	4	3	Edi	Devi
5	MC-L12-04-05- COMPUTER PROGRAMING	L4	4	3	Edi	Devi
6	MC-L12-05-01- PRODUCT MANUFACTURING	L4	5	4	Edi	Devi
7	MC-L12-05-02- MAINTENANCE (ALLA JUTI)	L4	5	2	Edi	Devi
8	MC-L12-05-03- EQUIPMENT MAINTENANCE	L4	5	3	Edi	Devi
9	MC-L12-05-04- ENGLISH COMMUN	L4	5	2	Edi	Devi
10	MC-L12-05-05- MICROCONTROLLER	L4	5	3	Edi	Devi
11	MC-L12-05-06- URVIR SYSTEM	L4	5	2	Edi	Devi
12	MC-L12-05-07- KENDALI KAWAT	L3	4	1	Edi	Devi
13	CUT ON JOB TRAINING	DIPLOMA	6	6	Edi	Devi
14	RAJ- FINAL PROJECT	L4	5	3	Edi	Devi
15	SKM421- SAINS KOMPUTER 4	L3	4	1	Edi	Devi
16	MC-L12-05-04- PROCESS CONTROL	L4	5	3	Edi	Devi

Page 1 of 1

Contoh 2

Ralat pada kod kursus

Ralat:

-Menggunakan kod kursus yang tidak mengikut piawai

Cara penyelesaian:

- Pusat data akan mengasingkan penwujudan kursus (Maintain Course Profile) dan menu Session Enroll

Catatan:

- Sekiranya masih lagi terdapat kod tersebut dalam TMS, jangan gunakan kod tersebut dan hantarkan aduan pada helpdesk.tms@jtm.gov.my

Course	*2 EK02 DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (PERKAKASAN)
Intake Session	*3 EK10 DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
	EL12 DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK
	G01 DIPLOMA TEKNOLOGI KOMPUTER (SISTEM)
	G01(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI KOMPUTER SKM4(N)
	K02 DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN)
	K02(SKM3) DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN) SKM3(N)
	K02(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN) SKM4(N)
	K05(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI MEKATRONIK SKM4(N)
	K10 DIPLOMA TEKNOLOGI AUTOMOTIF
	K10(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI AUTOMOTIF SKM4(N)
	L03 DIPLOMA TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI
	L03(SKM1) DIPLOMA TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI
	L03(SKM3) DIPLOMA TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI SKM3(N)
	L03(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI SKM4(N)
	L12 DIPLOMA TEKNOLOGI MEKATRONIK
	L12(SKM4) DIPLOMA TEKNOLOGI MEKATRONIK SKM4(N)

is Reserved

Contoh 1

Sambungan...

Student Listing

Session: 1/2014

Course: Please Select One

Semester: 1

Search Cancel

M01: DIPLOMA TEKNOLOGI BINAAN (SIVIL DAN STRUKTUR)
 M01-L1: DIPLOMA TEKNOLOGI BINAAN (SIVIL DAN STRUKTUR)
 L01: DIPLOMA TEKNOLOGI ELEKTRIK KUASA
 L01-L1: DIPLOMA TEKNOLOGI ELEKTRIK KUASA
 L09: DIPLOMA TEKNOLOGI INSTRUMEN (KAWALAN PROSES)
 L09-L1: DIPLOMA TEKNOLOGI INSTRUMENTASI
 L0902: DIPLOMA TEKNOLOGI INSTRUMENTASI (KAWALAN PROSES) - TAHAP 4
 EM01: DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN BINAAN (SIVIL DAN STRUKTUR)
 EL01: DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK KUASA
 EL09: DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN INSTRUMENTASI
 EK01: DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMPALAN
 EL05: DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMANAN UDARA
 K01: DIPLOMA TEKNOLOGI KIMPALAN
 K01-L1: DIPLOMA TEKNOLOGI KIMPALAN
 L05: DIPLOMA TEKNOLOGI PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMANAN UDARA
 L05-L1: DIPLOMA TEKNOLOGI PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMANAN UDARA
 L0502: DIPLOMA TEKNOLOGI PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMANAN UDARA

Contoh 2

Ralat pada pengiraan bilangan enrolmen dalam Seat Maintenance

Ralat:

- Ralat pada pengiraan bilangan enrolmen dalam *Seat Maintenance*

Cara penyelesaian:

- Menggunakan kod institut bagi *Section* dalam *Seat Maintenance* dan *Enrolment*

Catatan:

- Sekiranya institut tidak menggunakan kod institut bagi *Section*, pengiraan enrolmen dalam *Seat Maintenance* tidak akan tepat

Seat Maintenance

Session: 1/2014

Subject/Module: 082 04 01 DEVELOPMENT PLAN ESTABLISHMENT

Section: 23

TotalSeat: 152

Course Code	Course Name	Full Seat	Number Of Enrols	Available Seat	Status	Primary Course
G02	DIPLOMA TEKNOLOGI KOMPUTER (RANGKAIAN)		25	125	Open	
	Other		0	125	Open	

Save Restore Cancel

Ralat

Sambungan...

NDP	18212064	School	JIB	
Student Name	FRANCIS CHYI CHENG HOW	Level	L1	LEVEL 1
IC Number	94031905001	Course	CE1	TEKNOLOGI CAD/CAM BERBASIS
Mode Of Study	FULL TIME			
Year Of Study	2	Semester	2	☒ Long ☐ Short
Seskan	1/2014			

Subject Enrolled	Section/ course Code	Drop/Add Drop Date
1 C01-02-04	E	☐
2 C01-02-01	E	☐
3 BI-2051	E	☐
4 SK-2021	E	☐
5 C01-02-01	E	☐
6 PM-2041	E	☐
7 C01-02-02	E	☐
8 KK-2071	E	☐
9 C01-02-05	E	☐
10 ME-2011	E	☐

Gunakan kod institut

ANALISIS LAPORAN PENGAWAS PEPERIKSAAN 2/2013

BIL	ISU	PENAMBAHBAIKAN	CATATAN
1.	Bilangan kertas soalan di kebanyakan ILJTM mencukupi. Hanya sebilangan kursus tidak mendapat soalan secukupnya.	Memastikan data calon di kemaskini sekiranya ada perubahan sebelum proses cetakan dan penghantaran dibuat.	Masalah ini berlaku kerana pertindihan status silibus di sebilangan institut.
2.	Slip kehadiran calon peperiksaan pada muka depan soalan perlu dikoyakkan, sedangkan terdapat soalan dicetak pada muka belakang slip tersebut. Ini menyukarkan pelajar menjawab.	Slip kehadiran calon peperiksaan dicetak secara berasingan dan diedarkan sebelum peperiksaan bermula. Memudahkan pelajar, tidak perlu mengoyakkan slip pada muka hadapan soalan.	
3.	Tempoh masa bagi sesetengah subjek perlu dilaraskan antara 8.30 pagi hingga 1.00 petang sahaja. Tidak perlu berlanjutan hingga tamat ke jam 1.30 petang.	Penjadualan peperiksaan akan di kaji semula.	Tempoh masa peperiksaan bagi sesetengah subjek diselaraskan mengikut kesesuaian format soalan.

Disediakan oleh,

Unit Peperiksaan & Persijilan

Bahagian Kawalan Teknikal

Jabatan Tenaga Manusia